



**Pekeling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 3/2008**

**Tatacara Berhubung Dengan Tanah Berimilik Yang Dihakis Oleh
Laut atau Sungai**



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
PUTRAJAYA**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2010

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 3/2008
Disediakan oleh	Seksyen Kajian Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 4, Blok Menara, Wisma Sumber Asli, Presint 4, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Kuala Lumpur
Telefon	03-88712668
Faks	03-88810802
E-mel	skpp@kptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	1 Januari 2010

Kawalan Versi Dokumen

Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 3/2008

Tatacara Berhubung Dengan Tanah Berimilik Yang Dihakis Oleh Laut atau Sungai

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihat Pengarah Tanah dan Galian, Pendaftar Hakmilik Tanah dan Pentadbir Tanah kepada seksyen 49 Kanun Tanah Negara 1965 yang menyatakan bahawa sebahagian daripada sesuatu kawasan tanah berimilik akan menjadi tanah Kerajaan dan terkeluar daripada hakmilik tuanpunya jika tanah itu menjadi dasar laut ataupun sebahagian daripada sungai.

2. Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah adalah bertanggungjawab untuk menjaga semua daftar-daftar hakmilik tanah supaya lengkap dan kemas kini. Oleh itu, mereka hendaklah memastikan bahawa tindakan diambil di bawah seksyen 382A Kanun Tanah Negara 1965 untuk membatalkan sesuatu dokumen hakmilik apabila kesemua kawasan yang berkenaan telah menjadi tanah Kerajaan oleh sebab dihakis oleh laut atau sungai, dan untuk mengeluarkan hakmilik sambungan di bawah perenggan 166(1)(f) Kanun Tanah Negara 1965 apabila sebahagian tanah berimilik telah dihakis oleh laut atau sungai. Peruntukan-peruntukan seksyen 382A dan perenggan 166(1)(f) telah dimasukkan menurut Akta A587/1984 yang berkuat kuasa mulai 25 Mac 1985.

3. Pendaftar Hakmilik Pejabat Pendaftar tidak berupaya menyiasat dan mendapatkan maklumat sama ada sekeping tanah itu telah menjadi tanah Kerajaan. Oleh itu, pihak Pentadbir Tanah dinasihatkan supaya mengambil tindakan untuk menyiasat dan menentukan sama ada kesemua atau sebahagian dari tanah berimilik itu telah menjadi dasar laut atau dihakis oleh sungai. Maklumat yang diperolehi hendaklah dibekalkan kepada pihak Pendaftar Hakmilik. Pihak Pentadbir Tanah juga adalah dinasihatkan supaya menyimpan satu senarai tanah-tanah berimilik yang dikenal pasti telah dihakis oleh laut atau sungai dan rekod kemajuan kerja berhubung dengan semua tanah berimilik yang terlibat dengan hakisan laut atau sungai setelah diperiksa dan ditentukan berapa luas kawasan yang dihakis oleh laut atau sungai. Kedua-dua rekod ini hendaklah dikemas kini.

4. Proses kerja berhubung dengan pembatalan hakmilik atau pengeluaran hakmilik sambungan bagi tanah yang dihakis oleh laut atau sungai adalah seperti di **Lampiran A**.

5. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 14/1970 adalah dengan ini dibatalkan.


(ABD HALIM BIN AIN)
Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

Fail : JKPTG/101/KPU/ 799 Jld. 4
Tarikh : 4 Julai 2008

PROSES KERJA HAKMILIK/PENGELUARAN HAKMILIK SAMBUNGAN BAGI TANAH YANG DIHAKIS OLEH LAUT/SUNGAI

Proses-proses kerja yang terlibat dalam tatacara berhubung dengan tanah berimilik yang dihakis oleh laut atau sungai adalah seperti berikut:-

- 1) Pentadbir Tanah mengarahkan supaya dimasukkan butir-butir tanah yang dikenalpasti dihakis oleh laut atau sungai ke dalam Senarai di **Lampiran A-1**.
- 2) Pentadbir Tanah mengarahkan Penolong Pegawai Tanah (Pegawai Petempatan) supaya menyiasat tanah dan menyediakan laporan.
- 3) Pentadbir Tanah menerima laporan daripada Penolong Pegawai Tanah.
 - a) jika tanah tidak dihakis oleh laut atau sungai, Pentadbir Tanah mengarahkan supaya catatan dibuat di dalam Senarai Tanah Berimilik Yang Dikenalpasti Dihakis Oleh Laut Atau Sungai, bahawa tanah tidak terlibat dengan hakisan oleh laut atau sungai.
 - b) jika kesemua tanah telah dihakis, Pentadbir Tanah akan memasukkan satu memorial ke dalam dokumen hakmilik daftar komputer (DHDK), menyatakan bahawa kesemua tanah telah dihakis oleh laut atau sungai dan telah menjadi tanah Kerajaan. Contoh memorial adalah seperti di Butiran 1 di dalam **Lampiran A-3**. Seterusnya Pentadbir Tanah akan memaklumkan kepada tuan tanah mengenai kemasukan memorial tersebut dan meminta tuan tanah supaya mengemukakan dokumen hakmilik keluaran komputer (DHKK) dalam tempoh yang diberikan. Jika DHKK dikemukakan, Pentadbir Tanah akan memusnahkan DHKK tersebut. Seterusnya Pentadbir Tanah atau Pendaftar akan mengendorskan di dalam DHDK bahawa DHKK telah dimusnahkan. Contoh memorial adalah seperti di Butiran 3 di dalam **Lampiran A-3**. Sekiranya DHKK tidak dikemukakan, ianya dianggap telah dibatalkan.
 - c) Jika hanya sebahagian tanah telah dihakis, Pentadbir Tanah akan mengendors satu memorial di dalam DHDK bahawa sebahagian tanah telah dihakis oleh laut atau sungai dan telah menjadi tanah Kerajaan. Contoh memorial adalah seperti di Butiran 2 dalam **Lampiran A-3**. Tindakan-tindakan selanjutnya adalah seperti berikut-:
 - i. Jika DHKK dikemukakan dalam tempoh yang diberikan, Pentadbir Tanah akan mengendors di dalam DHKK, satu memorial seperti dalam DHDK bahawa sebahagian tanah telah dihakis oleh laut atau sungai dan telah menjadi tanah Kerajaan. Jika DHKK tidak dikemukakan dalam tempoh yang diberikan, Pentadbir Tanah dinasihatkan untuk mengambil tindakan mengikut seksyen 15(1)(e) Kanun Tanah Negara (KTN) terhadap tuan tanah kerana gagal mengemukakan dokumen tersebut.
 - ii. Pentadbir Tanah akan menghantar Permintaan Ukur kepada Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) untuk mengukur semula bahagian tanah yang masih tinggal mengikut seksyen 353 KTN.
 - iii. JUPEM akan mengukur semula tanah itu dan mengemukakan Borang Pengesahan Pengarah Ukur dan Pemetaan salinan Pelan Akui dan surihan alih.

- iv. Pendaftar dan Pentadbir Tanah adalah dikehendaki mendaftar Hakmilik Sambungan bagi baki tanah yang tidak terhakis berdasarkan subseksyen 183(1) KTN.
- v. Pentadbir Tanah adalah dikehendaki mengarahkan supaya Rekod Hasil dan Rekod Kemajuan Kerja Berhubung Dengan Tanah-tanah Berimilik Yang Dihakis Oleh Laut Atau Sungai Di Bawah seksyen 49 KTN (**Lampiran A-2**) serta keluaran DHKK baru pada tuan tanah sentiasa dikemaskini. Carta aliran proses kerja adalah seperti di **Lampiran A-4**.

SENARAI TANAH-TANAH BERIMILIK YANG DISYAKI TELAH DIHAKIS OLEH LAUT ATAU SUNGAI
PEJABAT TANAH:

Bil.	Butir-butir Tanah Yang Disyaki Dihakis					Tarikh Arahan Untuk Siasat & Lapor	Tarikh Terima Laporan	Hasil Siasatan Tanah			Keputusan/Catatan			
	No. Lot	*Bandar/Pekan/Mukim	Keluasan Lot	Perihal Hakmilik				Tidak Dihakis	Dihakis Sebahagian Sahaja/ Keluasan Baki Lot	Kesemua Tanah Dihakis	Tiada Tindakan Lanjut	Perlu Tindakan Lanjut		
				Pejabat Tanah	Pejabat Pendaftar									

**REKOD KEMAJUAN KERJA BERHUBUNG DENGAN TANAH BERIMILIK YANG DIHAKIS OLEH
LAUT ATAU SUNGAI MENURUT SEKSYEN 49 KTN**
PEJABAT TANAH:

Bil .	Butir-Butir Tanah Yang Dihakis				Tarikh Endorsmen Dalam DHDK		Tarikh h Minta DHKK Drp. Tuan Tanah	Tarikh Terima DHKK	Tarikh Musnahka n DHKK (Jika Kesemua Tanah Dihakis)	*Tarikh h Hantar P.U	*Tarikh Terima Salinan P.A. Borang Hakmilik dll.	*Tarikh Minta Tuan Tanah Jelaska n Bayaran Ukur #	*Tarikh Tuan Tanah Jelaskan Hakmilik Tetap	*Tarikh Daftarkan Hakmilik Tetap	*Tarikh Keluarkan Hakmilik Tetap	*Tarikh Rekod Hasil Dikemaskinikan	Catatan									
	No . Lo t	*Bandar / Pekan/ Mukim	Keluasan n Lot	Perihal Hakmilik																						
				Kesemu a Tanah Dihakis	Sebahagia n Tanah Dihakis																					

* Untuk diisi jika hanya sebahagian tanah dihakis oleh laut atau sungai.

Tidak perlu dibayar jika dapat diberi pengecualian dalam kes seperti ini.

Butiran 1

Endorsan/Memorial Di Bawah Seksyen 49 KTN Apabila Kesemua Tanah Telah Dihakis Oleh Laut/Sungai dan Telah Menjadi Tanah Kerajaan

Kesemua tanah ini telah dihakis oleh *laut/sungai dan telah menjadi tanah Kerajaan.

(Fail:)

(TM)

t.t
Pentadbir Tanah/Pendaftar Hakmilik Tanah

Tarikh :

Butiran 2

Endorsan/Memorial Di Bawah Seksyen 49 KTN Apabila Sebahagian Tanah Telah Dihakis Oleh Laut/Sungai Dan Telah Menjadi Tanah Kerajaan

Sebahagian tanah ini seluas * meter persegi/hektar/ telah dihakis oleh laut/sungai dan telah menjadi tanah Kerajaan.

(Fail:)

(TM)

t.t.
Pentadbir Tanah/Pendaftar Hakmilik Tanah

Tarikh :

Butiran 3

Endorsan Mengenai Pemusnahan Dokumen Hakmilik Keluaran

Dokumen Hakmilik Keluaran telah dimusnahkan pada


(Fail:)


(TM)

t.t.
Pentadbir Tanah/Pendaftar Hakmilik Tanah

Tarikh :

**CARTA ALIRAN PROSES KERJA BERHUBUNG DENGAN TANAH BERIMILIK
YANG DIHAKIS OLEH LAUT/SUNGAI MENURUT
SEKSYEN 49 KANUN TANAH NEGARA 1965**





NOTA:

DHDK - Dokumen Hakmilik Daftar Komputer
 DHKK - Dokumen Hakmilik Keluaran Komputer